

Pelajar UPM anjur pameran perkasa seni batik canting

Sekitar Kampus

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

MENYOKONG usaha murni dalam mengembalikan kegemilangan industri batik tempatan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Batik Canting, baru-baru ini.

Pameran anjuran pelajar kursus Batik Canting kelolaan Pusat Kokurikulum UPM itu menampilkan batik sebagai fokus utama bagi membuka mata masyarakat, khususnya warga UPM mengenai kekayaan dan keunikan khazanah warisan bangsa itu.

Penyelaras Komponen Badan Beruniform, Seni Budaya, Kemahiran dan Keterampilan Pusat Kokurikulum UPM, Dr Paramasivam Muthusamy, berkata antara objektifnya ialah memperkasa kefahaman dan kesedaran masyarakat berhubung hala tuju budaya batik, selain menyemarakkan penggunaannya dalam kehidupan.

Selain itu, katanya, program itu turut memberi peluang masyarakat menghargai dan menghayati kesenian batik yang membentuk pemikiran, jiwa dan budaya semasa.

"Pengunjung pameran berpeluang memantap keberkesanannya kefahaman masyarakat terhadap budaya batik menerusi pameran 100 koleksi lukisan batik canting karya 128 pelajar UPM.

"Selain memberi inspirasi kepada warga universiti meminati seni batik, pameran ini secara tidak langsung mengetengahkan idea kreatif dan kreativiti pelajar," katanya.

Koleksi batik canting itu menampilkan motif terkini sesuai dengan peredaran zaman, selain coraknya yang lebih kontemporari, abstrak dan simple.

Sementara itu, Pengarah pameran berkenaan, Nurdyannah Fatin Ruslan menyifatkan usaha itu wajar kerana ia mendedahkan golongan muda khususnya pelajar menganal seni batik yang menjadi warisan bangsa turun temurun.

Dalam proses penghasilan batik canting, beliau menjelaskan dua teknik biasa digunakan ialah conteng

dan canting.

"Proses bermula dengan melukis corak menggunakan pensel di atas kain kaftan sebelum mencanting menggunakan sejenis alat untuk melukis dengan cairan lilin dan damar serta berus untuk mewarna.

"Biasanya masa satu hingga dua minggu diperlukan bagi menyiapkan satu batik canting berukuran 15 X 15 inci (individu) dan 1.5 meter x satu meter (kumpulan)," katanya yang berhasrat membuka perniagaan batik pada masa depan.

Biarpun kaedah canting mengambil masa lama dan membabitkan kos tinggi, Nurdyannah berkata, kualiti dihasilkan lebih halus berbanding batik cop.



DR PARAMASIVAM (dua dari kiri) melukis batik canting sebagai simbolik perasmian pameran di UPM, baru-baru ini.